

19/10/1998

Jentera digerak hadapi pilihan raya

SELANDAR, Ahad - Umno sudah sedia menggerakkan semua jenteranya bagi menghadapi pilihan raya akan datang dalam usaha mengulangi kejayaan besar yang dicapainya sebelum ini.

Naib Presiden Umno, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, berkata beliau yakin Umno boleh mencapai kemenangan besar tetapi ahli parti itu mestilah bekerja bersungguh-sungguh.

Abdullah yang juga Menteri Luar berkata demikian ketika diminta mengulas kenyataan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, semalam bahawa Barisan Nasional (BN) akan mencapai kemenangan pada pilihan raya umum akan datang tetapi jumlah majoriti akan berkurangan.

"Saya berpendapat pandangan Dr Mahathir itu mungkin untuk mencabar semua ahli Umno supaya bekerja lebih kuat," katanya selepas melancarkan jentera pilihan raya BN Parlimen Selandar di sini, hari ini.

Katanya, kemenangan melebihi dua pertiga yang sering dicatat Barisan Nasional (BN) perlu dikekalkan kerana ia sangat bererti kepada kerajaan.

(END)